

# الْأَوْلَادُ دُنْيَا

# Auladuna

2020 (UP) 600-002/042(33)



فوسة دعوه اسلاميه  
مركز الدعوه الاسلاميه  
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil:33

## Sayangi Rasulullah

Mencintai Rasulullah  
Shallallahu 'alaihi wa sallam

3

Raja Namrud dan  
Nyamuk 5



Kita wajib taat kepada Allah dan juga taat kepada siapa?

## Kandungan Auladuna

- Kalam Auladuna 3
- Asma'ul Husna 4
- Kisah Haiwan 5
- Pengenalan Surah 6
- Pekerti Auladuna 7
- Adab Islami 8
- Kamus 3 Bahasa & Perambahan Brunei 9

### ANGGOTA REDAKSI

**EDITOR**  
Hajah Middeni binti Haji Lamit

**PENOLONG EDITOR**  
Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

**PENYELARAS**  
Hjh Ratna Wati binti Hj. Abd. Karim  
Md. Zelihan bin Ahad

**PEMBANTU PENYELARAS**  
Qairunnisa binti Haji Jalil  
Md. Zelihan bin Ahad  
Dahlan bin Chuchu  
Dayang Hayatun Syakirah binti Hj. Awang Abd. Ghani

**ATUR HURUF & REKA BENTUK**  
Dahlan bin Chuchu

**PEMBAHAGI MAJALAH**  
Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin

- Bina Perkataan 10
- Asah Minda 11
- Belajar Bahasa Arab 12
- Gambar Tersembunyi 14
- Teka Silang Kata 15
- Doa 16

## MENCINTAI RASULULLAH

*Shallallahu 'alaihi wa sallam*

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

Tafsirnya:

Sesiapa yang taat kepada Rasulullah maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah ...

Surah an-Nisaa':80

**A**nak-anak, kecintaan dan sayangnya kita kepada Rasulullah adalah dengan mengenali Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* kerana baginda adalah contoh untuk anak-anak berbuat kebaikan yang dapat membawa kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Rasulullah yang dimaksudkan adalah Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang perlu diketahui nasab, kehidupan, akhlak dan mu'jizat yang telah diberikan kepada baginda.

Imam at-Tirmidzi telah meriwayatkan dalam sebuah hadits daripada Anas bin Malik, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* telah bersabda yang bermaksud: "Barangsiapa yang mencintai aku, adalah ia bersama aku dalam syurga."

Setiap 12 Rabi'ulawal, kita akan memperingati kelahiran Baginda Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* dengan memperbanyakkan bacaan selawat tanda kecintaan kita kepada baginda. Anak-anak perlu tahu Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wa sallam* adalah manusia pilihan yang paling dicintai dan diagungkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala seperti yang terdapat dalam al-Qur'an Surah Aali 'Imraan ayat 32, yang tafsirnya:

"Jika kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku,  
nescaya Allah mengasihi kamu dan  
mengampuni dosa-dosa kamu."





# الْكَبِيرُ

## Al-Kabiir

**A**L-KABIIR bererti Yang Maha Besar dan tinggi kedudukannya dari segala sesuatu atau yang mempunyai keagungan dan kesempurnaan pada zat dan sifatnya.

Allah Subhanahu wa Ta'alaa berfirman dalam Surah ar-Ra'd, ayat 9:


عَلَمَ الْغَيْبِ وَالشَّهِدَةَ الْكَبِيرُ الْمُتَعَالُ

### Tafsirnya:

Allah Yang Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, (Yang) Maha Besar lagi Maha Tinggi (yang mengatasi segala-galanya)

### Rahsia dan Keistimewaannya

Sesiapa yang selalu berzikir dengan nama ini, akan diluaskan rezekinya. Sesungguhnya berzikir dengan nama-nama Allah akan menjadi penawar dan ubat kepada hati.



## Raja Namrud dan Nyamuk

D i zaman Nabi Ibrahim, ada seorang raja yang zalim bernama Namrud bin Kan'an. Namrud memiliki kekayaan yang luar biasa. Ia memiliki istana mewah yang tinggi mencakar langit, makanan yang berlimpah dan bala tentera yang ramai.

Namun sayang Raja Namrud yang kejam dan sombong merasakan dirinya raja yang paling berkuasa sehingga mengaku dirinya sebagai tuhan yang patut disembah. Seluruh rakyat Raja Namrud merasa takut dan tidak berani untuk menegur sikap raja mereka yang zalim itu.

Disebabkan kezaliman Raja Namrud itu, Allah Subhanahu wa Ta'alaa mengutus Nabi Ibrahim supaya Raja Namrud dan rakyatnya menyembah Allah Subhanahu wa Ta'alaa. Namun dengan kesombongannya, Raja Namrud telah mencabar Nabi Ibrahim untuk berperang dengan bala tenteranya yang gagah dan ramai. Oleh kerana itulah, Nabi Ibrahim meminta bantuan dari Allah Subhanahu wa Ta'alaa. Allah Maha Berkuasa telah memerintahkan tentera nyamuk untuk menyerang dan membinasakan Raja Namrud dan bala tenteranya.



Akhirnya Raja Namrud dan tenteranya kalah kerana tidak dapat menahan gigitan nyamuk yang semakin banyak. Allah Maha Berkuasa hanya dengan gigitan nyamuk sahaja boleh mengalahkan tentera gagah Raja Namrud.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'alaa dalam Surah al-Baqarah ayat 258 yang tafsirnya:

Tidakkah engkau memerhatikan (wahai Nabi Muhammad) tentang orang (Namrud) yang berhujah membantah Nabi Ibrahim mengenai Tuhanmu kerana Allah telah memberi kuasa pemerintahan kepadanya? Ketika Nabi Ibrahim berkata: "Tuhanmu adalah yang menghidupkan dan yang mematikan." Dia (Namrud) berkata: "Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan." Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur maka terbitkanlah ia dari barat." Maka tercenganglah (Namrud) yang kafir itu (kerana kehabisan hujah). Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.





## سُورَةُ النِّسَاءِ Surah an-Nisaa'

**S**urah an-Nisaa' adalah surah yang ke empat dalam al-Qur'an.

**S**urah ini diturunkan di Madinah dan mempunyai 176 ayat.

**K**andungan surah kini menyuruh manusia supaya bertaqwa dan memelihara hubungan silaturrahim.

**P**elbagai perkara juga diceritakan seperti yang berkaitan dengan negara, masyarakat, perempuan dan keluarga.

**D**i dalam surah ini dijelaskan secara terperinci mengenai pembahagian harta warisan.



## Contohilah Rasulullah Shallallahu 'ala'ihi wa sallam



"Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia"

(Surah al-Qalam : 4)

Antara amalan Rasulullah Shallallahu 'ala'ihi wa sallam yang patut dicontohi ialah:

Mengambil wudhu' sebelum tidur.

Tidur mengiring sebelah kanan.

Meletakkan tangan di bawah pipi ketika tidur.

Menyeferakan berbuka puasa.

Berbuka puasa dengan buah Kurma dan air.

Mengutamakan sahur dan mengakhirkannya.

Tidak bersandar ketika makan dan makan menggunakan tiga jari.

Minum dengan dua atau tiga tegukan.

Senyum ketika bertemu orang lain.

Lebih banyak senyum daripada ketawa.

Mulakan berdoa untuk diri sendiri sebelum mendoakan orang lain.

Menghadap kiblat ketika berdoa.

Berdoa sebanyak tiga kali.

Yakin doa akan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'alha.

Mengangkat kedua tangan dan menyapukannya ke muka setelah habis berdoa.





Adab  
Islam

# Adab Rasulullah

## MAKAN

*Makan ketika lapar dan berhenti sebelum kenyang.*

## MINUM

*Menggunakan tangan kanan ketika minum.*

## BERBICARA

*Jangan memotong perbicaraan orang lain.*

## TIDUR

*Dalam keadaan bersih, berwudhu dan mengiring kekanan.*

## ZIARAH ORANG SAKIT

*Mendoakan orang sakit supaya cepat sembuh*



BAHASA MELAYU	BAHASA INGGERIS	BAHASA ARAB
Guna	Usage	إِسْتَخْدَمَ
Murah	Cheap	رَخيْصٌ
Sumber	Source	مَصْدَرٌ
Alpa	Careless	غَافِلٌ
Mahal	Expensive	غَالِيٌّ

KAMUS BRUNEI

PERAMBAHAN BRUNEI

### MANAULIH

Menoleh

Contoh ayat:

*Nda lagi mau manaulih bah, luan siuk melihat telefon bimbit atau saja.*

### BAIBUN

Bergurau senda

Contoh ayat:

*Nini mlarang kami baibun di malam hari.*

### BALIANG, KABALIANGAN

Terkejut

Contoh ayat:

*Amit Nur kabaliangan mendangar bunyi latupan badil.*

### CAKAP AMBUR-AMBUR

Bercakap sembarangan

Contoh ayat:

*Jangan cakap ambur-ambur, karang mendatangkan fitnah.*

### SURUNG KURAPAK

Banyak cakap kurang bekerja

Contoh ayat:

*Dilarang surung kurapak masa ani, takut keraja inda siap.*

### MACAM ULAR LUNDUNG

Malas

Contoh ayat:

*Adang tah macam ular lundung ani, tolong tah mama di dapur tu.*





Bina  
Perkataan

Cuba bina 13 perkataan  
daripada perkataan di bawah ini

## PENGHIJRAHAN



Jawapan Bil. 32

Kail, akal, kali, lima,  
alim, alam, lama,  
maka, kami, maki,  
hakim, kalam, kalah

Asah  
Minda

Cuba cari perkataan yang dieja dalam huruf jawi  
di bawah ini. Selamat mencuba.

صبر دعوه برنياک یتیم سپوم سنه فقراغن مولود

ن	ب	س	ن	ه	ح	و	ن	ح	ن	ب	ب	ب	ب	ب	ب	ن
ب	ب	ب	ب	ف	ب	ب	ب	ع	م	م	م	م	م	م	م	ب
ي	ي	ي	ي	ف	ي	ي	ي	ا	ر	ر	ر	ر	ر	ر	ر	ص
ط	م	ل	ل	ل	ل	ل	ل	ه	م	م	م	م	م	م	م	ل
م	ي	ي	ي	ي	ي	ي	ي	د	ت	ن	د	ت	ن	د	ت	ل
ا	م	ء	ف	و	ا	و	ي	و	د	ت	ن	د	ت	ن	د	ل
ت	ه	ه	ط	س	غ	ع	ي	و	ه	ر	ع	ه	ر	ع	ه	ر
ب	ت	ن	ل	ل	ل	ل	ل	و	ذ	ن	ز	ذ	ن	ز	و	س
ب	ف	ه	م	س	ي	ع	ي	د	ه	ر	ع	ه	ر	ع	ه	ر
ر	ف	ه	ر	ي	س	غ	ط	ه	ف	ب	ف	ب	ف	ب	ف	ر
ه	ر	ع	ر	ي	ي	ع	ي	ي	ب	ب	ب	ب	ب	ب	ب	ي
ي	و	ك	ا	ل	ك	ا	ث	ه	ل	ك	ا	ل	ك	ا	ل	ي
ب	ر	ن	ي	ا	ك	ن	ج	ت	و	م	ذ	ن	ز	ذ	ن	و
ت	ت	ن	ب	ي	ص	ح	ر	م	ل	ي	س	ل	ي	س	ل	ت

Jawapan Keluaran Bil. 32

غ	ت	ف	د	ت	ن	و	غ	ح	ا
ن	ا	م	ع	ح	ل	ص	ظ	و	ت
ص	س	ل	ا	م	ء	ل	و	ي	س
ي	ت	ه	ن	ي	خ	و	ب	ط	ب
ح	غ	ل	ض	د	ع	ا	ء	ي	ي
ت	ف	ه	م	ض	ه	ش	م	ح	ح
ل	ا	ذ	ف	ر	ذ	ق	ز	ب	ك
ا	غ	ف	ر	ذ	ق	ز	ب	ك	ج
ف	ر	ا	غ	ف	ي	ف	ح	ك	ج
س	ر	م	س	ق	ل	ك	ص	ث	ت
ء	ق	ب	ا	ب	ي	ن	ث	ت	ع
ت	ت	ك	ب	ي	ر	ث	خ	ء	ج



# Belajar Bahasa Arab




Kita sambung lagi pelajaran bahasa Arab yang mudah bagi anak-anak untuk mempelajari dan mengingatinya.



Cuba baca dan hafalkan bahasa Arab bersama terjemahannya mengikut gambar berikut:






## Gambar Terseimbunyi

Cuba anak-anak cari huruf jawi dalam gambar berikut dan bulatkan.

Selamat mencuba!



## Teka Silang Kata




MENDATAR

1. Dilahirkan di .....
  2. Pernah bekerja sebagai ..... kambing
  3. Menerima ..... pertama di Gua Hira.
  4. ..... dengan siti Khadijah binti khuwailid ketika umur 25 tahun.

MENURUN

2. Wahyu adalah ..... dari Allah kepada Nabi dan Rasul.
  5. Peribadi Rasulullah sebagai contoh akhlak .....
  6. ..... agung sepanjang zaman.
  7. Al-Qur'an itu ..... Allah dan mukjizat rasul.

Jawapan keluaran Bil. 32



# Doa Ketika Lupa

اللَّهُمَّ ذَكِّرْنِي مَا نَسِيْتُ

Maksudnya:

“Wahai Tuhanku, ingatkanlah apa yang telah aku lupa”

